

FAKTA

Aktiviti pertanian ini bukan hanya menumpukan berbakat kepada tanah dan menjaga pendapatan semata-mata

AKTIVITI TANI dekatkan diri dengan ALLAH

Pengeluaran zakat oleh petani daripada hasil diperoleh sebagai tanda kepatuhan



RENCANA

Oleh Che Norina Che Malik
renanag@metro.com.my

Bidang pertanian dulunya dilihat kurang memberikan keunikan namun, kenyataan itu sebenarnya tersasar.

Buktinya, bidang pertanian kini menjadi bidang tumpuan terutama dalam usaha memelihara persekitaran bumi hijau.

Di sebaliknya perspektif pemeliharaan alam sekitar dan penjanaan ekonomi, pertanian juga ibadiah dalam Islam.

Khalifah Umar bin Al-Khattab berkata, Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud: "Sesungguhnya setiap perbuatan itu bergantung kepada niat".

Di dalam Islam, kita digalakkan memanfaatkan alam semula jadi dengan cara yang betul.

Hal ini dapat difahami daripada mafhum ayat 101 Surah Yunus: "Katakanlah wahai Muhammad, 'Perhatikanlah apa yang ada di langit dan di bumi, tidaklah bermanfaat tanda kekuasaan Allah dan rasul yang memberi peringatan kepada orang yang tidak beriman'".

Al Quran menyeru manusia memerhatikan alam sekitar untuk mendapat manfaat dan menambah keimanan kepada Allah SWT.

Islam menggalakkan umatnya menjadi orang yang pemurah dan tidak lokek untuk memberikan sedekah.

Biarpun hasil yang dikongsi itu bukanlah dalam jumlah kuantiti yang banyak, tetapi sekurang-kurangnya ia mengajar kita menjadi orang yang pemurah dan jauh daripada



GANJARAN pahala apabila usaha memberimerga: - Gambar Hiasan



MEMANFAATKAN alam semula jadi: - Gambar Hiasan

da sifat bakhil.

Mungkin seketengah daripada anggota masyarakat menganggap aktiviti pertanian ini hanya sesuai dilakukan oleh mereka yang tinggal di kawasan kampung dan pedalaman saja, namun hakikatnya ia adalah platform kepada semua lapisan masyarakat tanpa batasan masa serta tempat.

Dari sisi yang lain pula, petani juga berpotensi menjadi hamba yang patuh kepada Penciptanya dengan mengeluarkan zakat hasil daripada pertanian yang diusahakan.

Membayar zakat adalah kewajiban ke atas setiap Muslim sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah swt di dalam Surah Al-Baqarah ayat 43, mafhumnya: "Dan dirikanlah solat, tunaikanlah zakat serta rukuklah bersama orang yang rukuk."

Zakat dari segi syarak ditakrifkan sebagai mengeluarkan sebahagian harta tertentu diberikan kepada asraf yang berhak menerimanya selepas memenuhi syarat yang ditetapkan oleh syarak.

Antara hikmah mengeluarkan zakat ini adalah untuk membersihkan diri daripada sifat kedekut dan bakhil dalam diri; di samping mewujudkan suasana yang harmoni dalam kalangan masyarakat.

Jadi, dengan hasil yang diperoleh oleh petani daripada tanaman mereka sebe-

narnya mampu menjadikan mereka golongan yang lebih dekat kepada Allah dengan mendidik jiwa menjadi insan yang pemurah serta menjalankan kewajipan kepada Allah.

Jelaslah bahawa aktiviti pertanian ini bukan hanya menumpukan berbakat kepada tanah dan menjaga pendapatan semata-mata, tetapi menjadi penyumbang untuk mendekatkan diri antara manusia dengan Allah SWT.

Penulis Tambahan Presiden II, Nadi Thaqafah, Paksi Pengajian Bahasa Utama Universiti Sains Islam Malaysia (U.S.I.M)



BERBAKTI kepada tanah subur mendapat hasilnya: - Gambar Hiasan